

TEKS UCAPAN

**YBRS LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK
PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

PERHIMPUNAN BULANAN BIL.1 TAHUN 2026

27 FEBRUARI 2026

**DEWAN PLATINUM
POLITEKNIK PREMIER MERLIMAU MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

Melaka Sayang Rakyat.

Yang Berusaha Puan Faridatuljana binti Mohd Noor

Timbalan Pengarah Akademik

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

Yang Berusaha

- a) Ketua-Ketua Jabatan,
- b) Ketua-Ketua Unit
- c) Ketua-Ketua Kluster
- d) Para pensyarah,
- e) Pegawai dan kakitangan Politeknik Premier Merlimau
Melaka yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Politeknik Premier Merlimau Melaka Bil. 1 Tahun 2026 ini.

Aluan Kakitangan (Masuk, Keluar & Bersara)

2. Suka saya mengalu-alukan kehadiran 16 orang pegawai baharu yang telah melapor diri. Tahniah dan selamat datang kepada yang baharu menyertai keluarga besar #PMMWarriors. Semoga kehadiran saudara-saudari menyuntik inspirasi baharu dalam organisasi ini.
3. Kita juga mengucapkan selamat maju jaya 8 orang pegawai yang telah berpindah keluar, antaranya Encik Mohd Shafrizal, Encik Bobby Chew, dan rakan-rakan yang lain. Saya mendoakan anda semua terus cemerlang di tempat baharu. Seterusnya, mewakili pihak pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Nasir bin Jantan (Pembantu Makmal) yang telah pun memasuki alam persaraan. Terima kasih atas segala khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada PMM selama ini.

Penaiktarafan Status Premier

4. Menyentuh soal Politeknik Premier. Suka ingin saya tegaskan di sini bahawa penat lelah kita selama ini telah membuahkan hasil. Tahniah saya ucapkan kerana Politeknik Merlimau Melaka kini telah rasmi dinaiktaraf kepada Status Politeknik Premier. Pengiktirafan ini adalah satu amanah yang besar. Justeru, saya di sini ingin menyeru agar warga kewrja #PMMWarriors terus berusaha meningkatkan imej institusi setaraf dengan pengiktirafan ini.

Lonjakan RPTM 2026-2035

5. Seiring dengan status Premier yang baru kita sandang ini, sudah tentu halatuju kita juga perlu lebih jelas dan mencabar. Suka mahupun tidak, saya ingin menarik perhatian semua terhadap 10 Lonjakan RPTM 2026-2035. Kita perlu fokus untuk menjadi "Pembina Negara yang Berpaksikan Kemanusiaan dan Dipacu Matlamat" melalui elemen seperti Kemampanan Kewangan, Keunggulan Global, serta Kompetensi TVET Termaju.

DNA Politeknik Premier (PREMIER)

6. Bagi memastikan lonjakan ini bukan sekadar retorik, kita perlu mempunyai identiti atau "DNA" yang kuat dalam setiap tindakan kita. Maka, marilah kita menghayati semangat Akronim PREMIER sebagai teras budaya kerja kita. Kita mestilah sentiasa:

- * P - *Progressive* (Progresif): Sentiasa bergerak ke hadapan dengan adaptasi teknologi terkini.
- * R - *Resourceful* (Berdaya Usaha): Kreatif dalam mengoptimumkan sumber.
- * E - *Enterprising* (Berjiwa Usahawan): Melahirkan Job Creators.
- * M - *Market Driven* (Berpacuan Pasaran): Responsif terhadap keperluan industri.
- * I - *Industry-Led* (Diterajui Industri): Kurikulum yang dibentuk bersama rakan industri.
- * E - *Excellence* (Kecemerlangan): Komitmen terhadap piawaian kualiti tertinggi.
- * R - *Research & Innovation Culture*: Menyelesaikan masalah

Industri melalui Industrial Sandbox.

7. Segala usaha ini perlulah berlandaskan prinsip "True North" iaitu Hormat, Integriti, dan Kemampanan.

Kriteria & Pelan Tindakan Transformasi

8. Suka juga saya mengingatkan bahawa status Premier ini datang dengan kriteria yang sangat tinggi. Kita perlu memastikan 70% enrolmen pelajar adalah dalam bidang High Growth High Value (HGHV) serta mengintegrasikan AI dan Digitalisasi dalam setiap aspek pengajaran dan pembelajaran. Melalui Pelan Tindakan Transformasi, kita akan

menghubungkan 10 elemen tindakan bagi menyokong 5 kriteria utama institusi Premier kita.

Peluncuran Anjung Digital

9. Menyentuh soal digitalisasi ini, saya ingin mengumumkan satu inisiatif penting iaitu peluncuran Anjung Digital PMM yang dibangunkan oleh UTMK. Syabas saya ucapkan buat warga UTMK untuk inisiatif ini. Ia merupakan One Stop Centre berbentuk *staff-oriented* yang memudahkan capaian kita kepada aplikasi rasmi seperti SPMP dan HRMIS, serta alatan digital moden seperti ChatGPT dan Canva. Saya berharap kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan efisiensi kerja kita semua.

Inisiatif Infaq Ramadan

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, suka untuk saya menyentuh satu lagi usaha murni yang wajar dipuji. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak KSK PMM atas inisiatif Infaq Ramadan 2026 / 1447H. Sumbangan yang dikumpulkan ini akan disalurkan kepada staf PMM bersempena dengan Ramadan dan Perhimpunan Bulanan ini.

Penutup

11. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak iaitu gabungan Unit-Unit daripada UKP, UTMK,

UPIM, UPS, Unit Perpustakaan, dan yang lain-lain sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung atas kejayaan menganjurkan Perhimpunan Bulanan ini. Salam Ramadan Al-Mubarak kepada semua yang beragama Islam dan selamat berbuka puasa diucapkan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.